

10 NOV 2000

Mahathir-Pentadbiran

TURUN KE PADANG, KATA DR MAHATHIR KEPADA MENTERI DAN MENTERI BESAR

GURUN, 10 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu semua Menteri Besar dan Ketua Menteri meningkatkan jentera pelaksanaan di peringkat negeri agar kelulusan sesuatu projek pembangunan dapat disegerakan.

Mereka tidak perlu mempunyai jentera baru tetapi mempertingkatkan jentera sedia ada, kata Perdana Menteri.

"Adalah penting bagi kerajaan mempunyai jentera yang dapat maklumat mengenai pencapaian sesuatu projek dan mengambil tindakan segera untuk mengatasi sesuatu masalah yang timbul," katanya pada sesi dialog di Seminar Perkongsian Bijak Pembangunan Negeri Kedah di sini.

Dr Mahathir berkata mereka perlu mengamalkan pentadbiran yang tahu keadaan sebenar dengan turun sendiri ke padang untuk menyelesaikan masalah.

"Menteri Besar dan menteri perlu turun dan lihat sendiri masalah dan selesaikan masalah yang membantutkan pelaksanaan sesuatu projek pembangunan," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau telah membayangkan tentang perlunya jentera pelaksanaan dipertingkatkan semasa beliau mempengerusikan mesyuarat dengan menteri besar dan ketua menteri di ibu negara semalam.

Beliau memberikan contoh bagaimana pengendalian kontena di negara ini dapat dipertingkatkan setelah menteri sendiri pergi ke pelabuhan untuk mengetahui masalah kekurangan pengendalian kontena dengan lebih dekat dan mencari jalan penyelesaian.

Terdahulu semasa berucap merasmikan seminar itu, Dr Mahathir berkata perkongsian pintar antara kerajaan pusat dan kerajaan negeri penting ke arah mempercepatkan kelulusan sesuatu projek pembangunan.

Perkongsian pintar itu juga dapat mengurangkan karenah birokrasi yang menghalang pelaksanaan sesuatu projek pembangunan.

Beliau berkata perkongsian bijak antara kerajaan dan swasta akan membolehkan kerajaan membantu memudahkan urusan swasta mencari keuntungan sebanyak mungkin dan akhirnya kerajaan juga mendapat keuntungan melalui cukai.

"Kalau kerajaan tolong swasta tingkatkan keuntungan mereka, kita dapat tingkatkan pungutan cukai dan akhirnya dapat bayar gaji dan bonus kakitangan kerajaan," katanya.

Anggapan kononnya jika swasta dapat untung, gaji kakitangan kerajaan tetap sama sahaja tidak betul kerana peningkatan keuntungan swasta dan peningkatan cukai mempunyai talian yang kuat, kata Perdana Menteri.

Beliau berharap kakitangan awam dapat membantu menyegerakan kelulusan sesuatu projek pembangunan dan tidak menolak permohonan melaksanakan projek itu semata-mata kerana kesalahan yang boleh diperbetulkan.

"Tugas kita ialah menentukan apa yang mereka hendak laksanakan, kita permudahkan kelulusannya," katanya.

Kerajaan pula hanya akan memberikan projek pembangunan kepada mereka yang mempunyai kemampuan untuk melaksanakan sesuatu projek, kata Dr Mahathir.

Mengenai dakwaan kronisme wujud dalam perkongsian pintar antara kerajaan dan swasta, Perdana Menteri berkata: "Kalau nak agihkan projek cara demokratik tanpa mengambil kira kebolehan, projek tidak akan berjalan dan mungkin orang yang dapat projek itu akan menjualkannya pula kerana tidak mempunyai kemampuan untuk melaksanakannya.

"Perkongsian bijak perlu mengambil kira kemampuan (swasta) melaksanakan

projek," katanya.

Dr Mahathir menyifatkan dirinya sebagai "Inspector-General Pembangunan" kerana beliau pergi sendiri melihat pelaksanaan sesuatu projek pembangunan.

"Ada yang dapat projek tetapi tidak tengok projek selepas itu," katanya.

-- BERNAMA

JM MAN ZZ MAI